

INDAHNYA HIDUP BERTAQWA

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي مَقَامٍ أَمِينٍ ﴿٥١﴾ فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ﴿٥٢﴾ يَلْبَسُونَ مِنْ سُندُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ
مُتَقَابِلِينَ ﴿٥٣﴾ كَذَلِكَ وَزَوَّجْنَاهُمْ بِحُورٍ عِينٍ ﴿٥٤﴾ يَدْعُونَ فِيهَا بِكُلِّ فَاكِهَةٍ آمْنِينَ ﴿٥٥﴾

(Surah Ad-Dukhan, ayat: 51-55)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan taqwa yang sebenar-benar. Taqwa dalam makna melaksanakan segala titah perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Orang yang bertaqwa akan sentiasa melangkah dan bertindak di atas asas kebenaran yang digariskan oleh Allah SWT, malah mereka akan bersama dengan golongan yang benar itu, dianjurkan oleh Allah SWT, firman-Nya:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ﴿١١٩﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang yang benar". (Surah At-Taubah, ayat 119)

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Baru sahaja kita meninggalkan bulan Ramadan yang diwajibkan padanya ibadah puasa. Ingatlah, bahawa ibadah puasa yang dilakukan oleh umat Islam selama sebulan Ramadan itu, selain sebagai tanda kepatuhan dan pengabdian kita kepada Allah SWT, melahir hamba Allah yang benar-benar adalah juga matlamat ibadah puasa itu, sebagaimana firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa”. (Surah Al-Baqarah, ayat 183)

Bertuah, beruntung dan berbahagialah, orang yang hidupnya bertaqwa. Kerana hamba Allah SWT yang bertaqwa itu teramat istimewa dan mulia di sisi Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT menjanjikan segala rahmat, kebaikan, keberkatan dan limpah kurnia-Nya untuk hamba-hamba-Nya yang bertaqwa, beriman dan beramal soleh, antara keutamaan orang yang bertaqwa dan juga sifat taqwa itu, ialah:

1. Orang yang bertaqwa adalah hamba Allah paling mulia. Firman Allah SWT:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ اللَّهِ أَتَقْوَىٰ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “...Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”. (Surah Al-Hujurat, ayat 13)

2. Bertaqwalah dengan memerhati apakah amal-amal soleh untuk hari esok, iaitu hari akhirat nanti. Firman Allah SWT lagi:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan); Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan”. (Surah Al-Hasyr, ayat 18)

Saidina Ali bin Abu Talib karamallahu wajhah menjelaskan, taqwa itu ialah meninggalkan daripada melakukan maksiat dan tidak tergoda dengan rasa sudah baik mengerjakan ketaatan.

3. Sebaik-baik bekal ialah taqwa, yakni memelihara diri daripada keaifan meminta-minta sedekah. Firman Allah SWT:

...وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ ۖ وَتَزُودُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ ۚ وَاتَّقُوا نَفْسَ الْإِنْسَانِ ۚ إِنَّهُ أَلْبَسَ ﴿١٩٧﴾

Maksudnya: “...Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya, kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaifan meminta sedekah dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahami)”. (Surah Al-Baqarah, ayat 197)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

4. Beruntung sungguh orang yang bertaqwa dikurniakan jalan keluar daripada kesusahan dan rezeki yang tidak disangka-sangka. Firman Allah SWT lagi:

... وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ بَلِغُ أَمْرِهِ ۗ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾

Maksudnya: "...dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu". (Surah At-Talaaq, ayat 2-3)

5. Orang bertaqwa dipermudahkan oleh Allah SWT segala urusannya. Firman Allah SWT:

...وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ﴿٤﴾

Maksudnya: "...Dan (ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya". (Surah At-Talaaq, ayat 4)

6. Orang bertaqwa diampuni dosanya dan mendapat pahala yang besar di sisi Allah SWT. Firman-Nya di dalam Al-Quran:

...وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَكْفِرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ ۖ وَيُعْظِمْ لَهُ أَجْرًا ﴿٥﴾

Maksudnya: "...dan (ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan akan membesarkan pahala balasannya". (Surah At-Talaaq, ayat 5)

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

7. Sifat taqwa dan bertaqwa dalam menjaga zuriat keturunan serta anak yatim. Firman Allah SWT:

وَلْيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكَوْا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٩﴾

Maksudnya: "Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak da'if (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka, oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran)". (Surah An-Nisaa', ayat 9)

8. Sifat taqwa dan bertaqwa dalam melaksana perintah berlaku adil dalam kehidupan bermasyarakat, firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ ۖ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى
اَلَّا تَعْدِلُوْا اَعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿٨﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan". (Surah Al-Maidah, ayat 8)

9. Sifat taqwa dalam membina bangunan seperti masjid, surau, sekolah dan lain-lain dengan asas taqwa. Firman Allah SWT:

اَفَمَنْ اَسَّسَ بُنْيٰنَهُۥ عَلٰٓى تَقْوٰى مِّنَ اللّٰهِ وَرِضْوٰنٍ خَيْرٍۭ اَمْ مِّنْ اَسَّسَ بُنْيٰنَهُۥ عَلٰٓى شَفَا
جُرْفٍ هٰرٍ فَانْهَارَ بِهٖۤ فِى نَارٍ جَهَنَّمَ ۗ وَاللّٰهُ لَا يَهْدِى الْقَوْمَ الظّٰلِمِيْنَ ﴿١٠٩﴾

Maksudnya: "Maka apakah orang yang membangunkan masjid yang didirikannya di atas dasar taqwa kepada Allah dan (untuk mencari) keredhaan Allah itu lebih baik, ataukah orang yang membangunkan masjid yang didirikannya di tepi jurang yang (hampir) runtuh, lalu runtuhlah ia dengan orang yang membangunkannya ke dalam api neraka? Dan (ingatlah) Allah tidak akan memberi hidayah petunjuk kepada orang yang zalim". (Surah At-Taubah, ayat 109)

10. Sifat taqwa dan bertaqwa dalam pakaian dan pakaian taqwa sebaik-baik pakaian. Firman Allah SWT:

يٰۤاِبْنَٓىٓ اٰدَمَ قَدْ اَنْزَلْنَا عَلَیْكُمْ لِبَاسًا یُّوَارِیْ سَوْءَٔتِكُمْ وَرِیْشًا ۗ وَلِبَاسٍ ۗ التَّقْوٰى ذٰلِكَ خَيْرٌۢ ذٰلِكَ مِّنْ ءَایٰتِ اللّٰهِ
لَعَلَّهُمْ یَذَّكَّرُوْنَ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: "Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup 'aurat kamu dan pakaian perhiasan dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur)". (Surah Al-A'raaf, ayat 26)

11. Sifat taqwa dan bertaqwa dalam membentuk anak isteri dan ahli keluarga, sebagaimana doa di dalam Al-Quran. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Maksudnya: “Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang) yang berdoa dengan berkata: ‘Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh isteri-isteri dan zuriat keturunan kami, perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang yang (mahu) bertaqwa”. (Surah Al-Furqaan, ayat 74)

Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, menjelaskan mafhum ayat ini: “Mereka (golongan yang diredhai Allah SWT itu) sentiasa memohon kepada Allah SWT semoga anak isteri dan keturunan mereka tetap di dalam iman dan beramal soleh. Mereka juga memohon semoga mereka sendiri diberi ilmu yang luas dan diberi taufiq untuk mengerjakan kebajikan sehingga dapat menjadi ikutan dan contoh yang baik bagi orang yang mahu memelihara dirinya dari larangan Allah SWT”.

12. Hidup bermasyarakat dengan nilai-nilai taqwa. Firman Allah SWT:

...وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya: “...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab siksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)”. (Surah Al-Maidah, ayat 2)

Berdasarkan mafhum ayat-ayat ini, betapa indahnya hidup dalam masyarakat jika nilai-nilai taqwa itu benar-benar hidup dan meresapkan ke dalam diri setiap anggota masyarakat. Dalam rumahtangga, dalam keluarga, dalam persahabatan, dalam sesama rakan kerja dan sebagainya nilai dan sifat taqwa itu menjadi amalan dan sifat yang hidup serta subur, pasti berbahagiakan seluruh ahli keluarga dan masyarakatnya, in syaa Allah.

Ibnu Abbas RA menyatakan: “Orang yang bertaqwa itu adalah mereka yang takut dalam keadaan berwaspada daripada balasan Allah dengan meninggalkan apa yang didorong oleh hawa nafsu kepadanya dan mengharapkan rahmat Allah dengan percaya kepada apa-apa yang datang daripada-Nya”.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Demikianlah, kelebihan dan kemuliaan serta indahnya kehidupan umat Islam yang beriman dan bertaqwa. Mudah-mudahan kita, anak isteri, keluarga, jiran dan seluruh masyarakat Islam termasuk dalam golongan hamba-hamba Allah SWT yang bertaqwa itu.

Tanda kemuliaan orang yang bertaqwa bahawa Allah SWT akan bersama hamba-hamba-Nya yang bertaqwa, firman-Nya:

...وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٩٤﴾

Maksudnya: “...dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah, sesungguhnya Allah beserta orang yang bertaqwa”. (Surah Al-Baqarah, ayat 194)

Oleh itu, bertaqwalah di mana-mana jua kita berada hatta dalam bilik seorang diri atau di tempat tiada sesiapa yang melihat, tetapi Allah Maha Melihat lagi Maha mengetahui, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Bertaqwalah kepada Allah di manapun kamu berada dan ikutilah perbuatan buruk dengan perbuatan baik, nescaya menghapuskannya. Bergaullah dengan manusia dengan akhlak yang terbaik”. (HR Imam At-Tirmizi)

Sesungguhnya ganjaran dan balasan sebaik-baik untuk orang bertaqwa ialah syurga yang disediakan khas oleh Allah SWT untuk orang yang bertaqwa, sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ مَفَازًا ﴿٦﴾ حَدَائِقَ وَأَعْنَابًا ﴿٧﴾ وَكَوَاعِبَ أَتْرَابًا ﴿٨﴾ وَكَأْسًا دِهَاقًا ﴿٩﴾ لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا وَلَا كِذَابًا ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang bertaqwa, disediakan syurga tempat mereka beroleh apa yang mereka ingini. (Mereka akan beroleh) taman-taman bunga dan kebun-kebun buah-buahan, terutama anggur. Dan perawan-perawan yang sebaya umurnya. Serta piala atau gelas yang penuh dengan minuman. Mereka tidak mendengar di salam syurga itu perkataan yang sia-sia dan tiada pula perkataan yang dusta. Sebagai balasan dari Tuhanmu, iaitu satu limpah kurnia yang dikira cukup (menurut yang dijanjikan-Nya)”. (Surah An-Naba’, ayat 31-35)

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.